

Pelajar UMSKAL perlu berinisiatif

► **Proaktif merangsang aktiviti universiti dan menceriakan kampus**

UB 1.9.2016 B10

LABUAN: Pelajar baharu perlu menjadi individu yang sentiasa memajukan diri dan berinisiatif.

Selain itu, mereka seharusnya proaktif dalam merangsang aktiviti universiti dan menceriakan kampus dan bersifat akauntibiliti dalam menjaga nama baik universiti (jangan hanyatahumengkritik, tetapi tidak konstruktif) yang akan memberi kesan kepada mereka pada masa hadapan (alam pekerjaan).

Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Profesor Madya Dr Murnizam Haji Halik mengingatkan mahasiswa bahawajaditidirsebagai seorang mahasiswa perlulah dijaga dan tidak mudah terpengaruh serta terikut-ikut dengan sebarang unsur negatif sama ada dari dalam atau luar kampus yang mengakibatkan pengajaran dan pembelajaran siswa-siswi terganggu.

"Amalkanlah budaya tolong-menolong dan hormat-menghormati sesama rakan-rakan, para pegawai dan masyarakat sekeliling agar anda sentiasa dipandang mulia sebagai seorang mahasiswa dan demi mengecapi keharmonian dan kesejahteraan di kampus ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Pengarah dan Pengenalan Pegawai-Pegawai UMS Kampus Antarabangsa Labuan sempena Minggu Suai Mesra UMSKAL 2016/2017 di Dewan Utama, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Pengarah UMSKAL merangkap Pengerusi MSM Sesi 2016/2017 Prof Madya Dr



DR Murnizam beramah mesra dengan pelajar baharu.

Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik Prof Madya Dr Ag Asri Haji Ag Ibrahim, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Dr Hanudin Amin dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohammad Tuah.

Hadir sama, Setiausaha Kehormat Majlis Perwakilan Pelajar Mas Adibah Abdul Rafar dan Ketua Pengarah Pembimbing Suai Mesra Sesi 2016/2017 Sharmilawathy A/P Paramesvaran.

Murnizam berkata pihak pengurusan UMSKAL akan sedaya upaya memberikan maklumbalas yang tepat serta mendengar dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

Katanya pegawai-pegawai penting yang ada di kampus itu sentiasa komited dan berusaha membantu dalam pembangunan kampus berkenaan.

Tambahnya, beliau dan

seluruh warga universiti amat gembira dan teruja menyambut kehadiran pelajar baharu ke kampus itu serta bersyukur kerana siswa dan siswisesekalian memilih UMSKAL.

Seramai 760 pelajar telah ditawarkan pengajian di UMSKAL pada pengambilan tahun ini bagi kedua-dua fakulti iaitu Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Fakulti Komputeran dan Informatik.

Terdapat tujuh program yang ditawarkan di kampus ini yang terdiri daripada lima program di bawah FKAL dan dua program di bawah FKI termasuk dua (2) program lagi di kampus induk.

UMSKAL yang telah ditubuhkan pada tahun 1999 sebagai kampus cawangan pertama UMS merupakan antara mercu tanda Wilayah Persekutuan Labuan.

Pada masa kini, jumlah kakitangan UMSKAL adalah seramai 292 orang yang terdiri



PELAJAR perempuan bersemangat menyanyikan lagu UMS Bertekad Cemerlang. (Bawah) Pelajar lelaki turut menyanyikan lagu Bertekad Cemerlang.

daripada kakitangan akademik dan bukan akademik.

Kata Dr Murnizam, UMS yang diterajunya Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah sentiasa mendorong mahasiswa agar bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti universiti.

Di UMSKAL ini, katanya, pelbagai pencapaian di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa yang telah diperolehi sejak kampus ini dibuka.

"Suka saya memaklumkan bahawa UMS juga diiktiraf sebagai sebuah universiti eco campus, maka marilah kita bersama-sama sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar dan keceriaan



kampus ini.

Sepanjang menjalani pengajian di UMSKAL, sayangilah kampus ini seperti anda menyayangi keluarga anda dan anggaplah ia seperti rumah sendiri," katanya.

Dalam ucapannya itu, Dr Murnizam mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh jawatankuasa pelaksana MSM sesi 2016/2017 yang telah berusaha gigih menjayakan MSM kali ini.

Kepada semua mahasiswa baharu sekalian, teruskanlah perjuangan anda dan selamat menempuh alam pengajian dan tekadkanlah semangat anda demi mencapai cita-cita anda sekalian pada masa hadapan. Pencapaian anda pada hari ini merupakan penentu kecemerlangan anda pada masa akan datang.



PEGAWAI Hal Ehwal Pelajar, Nur Iman Reedzal menyampaikan taklimat kepada pelajar baharu. (Kiri) Pengenalan pegawai kanan UMS Labuan sempena Majlis Amanat Pengarah Kampus.